

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
INTERAKSI DAN TOLERANSI ETNIK DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
BANDARAYA KUCHING, SARAWAK**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
INTERAKSI DAN TOLERANSI ETNIK DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
BANDARAYA KUCHING, SARAWAK**

BILLY ANAK LABAU



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI INTERAKSI DAN TOLERANSI ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI BANDARAYA KUCHING, SARAWAK

IJAZAH: DOKTOR FALSAFAH

Saya **BILLY ANAK LABAU** Sesi Pengajian **2008 – 2013**, mengaku membenarkan tesis Sarjana disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RASHIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(Billy Anak Labau)

Disahkan oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)


(Prof. Madya Dr. Kntayya a/l Mariappan)
Penyelia

Tarikh: Ogos 2013

PENGESAHAN

NAMA : BILLY ANAK LABAU
NO. MATRIK : PA20088015
TAJUK : FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
INTERAKSI DAN TOLERANSI ETNIK DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
BANDARAYA KUCHING, SARAWAK
IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH
TARIKH VIVA : 18.07.2012

PENGESAHAN OLEH;

1. **SUPERVISOR**

Prof. Madya Dr. Kntayya a/l Mariappan

Tandatangan,



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya tujukan khas kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Dr. Kntayya a/l Mariappan dengan ucapan jasa tuan tetap dikenang. Ketidakjemuan Profesor memberi seliaan, bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan supaya saya menyempurnakan penulisan tesis ini amat saya kagumi dan sanjungi. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan Pengetua-Pengetua sekolah menengah di sekitar Bandaraya Kuching yang memberikan kebenaran, kerjasama dan sokongan untuk saya menjayakan kajian ini. Mudah-mudahan hasil kajian ini dapat digunakan untuk mencemerlangkan pendidikan di Sarawak.

Dari keluarga tersayang saya datang dan kerana keluarga saya lanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) sebagai lambang kecintaan saya kepada ibu tersayang Enda Ak. Wan (*meninggal pada 4 April 2013*) dan bapa Labau Ak. Samun (*meninggal pada 3 Disember 2010*) yang telah kembali menghadap Tuhan ketika anakmu sedang bergelut dan berjuang menyiapkan tesis Ph.D ini. Semangat dan dorongan dan pesanan ibu dan bapa tetap tersemat kekal dalam benak jiwa ini sehingga tesis ini siap anakanda sempurnakan. Untuk itu, setinggi sanjungan penuh kemuliaan anakmu tujukan khas kepada roh ibu dan bapa yang bersama-sama berada dalam kesejahteraan kami.

Terima kasih juga ditujukan kepada abang-abang dan adik-adik yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, doa saya semoga kalian selalu bahagia dan sejahtera. Ucapan sayang dan limpahan sanjungan saya tujukan kepada isteri saya, Mary Fatimah Ak. Sibon yang begitu memahami dan prihatin melayan kerenah suaminya yang bekerja sambil belajar. Semangat yang diberi, pengorbanan yang dicurahkan amat saya hargai dan mudah-mudahan hubungan kita semakin erat dalam menerokai hidup yang mendatang. Anakanda Alex Nasu dan Anna Carmila, bapa ucapkan terima kasih atas kesabaran dan segala susah payah yang kalian hadapi sepanjang bapa bergelar pelajar di Universiti Malaysia Sabah.

Terima kasih.

BILLY ANAK LABAU

Fakulti Sains Sosial

Universiti Malaysia Sabah

5 Julai 2013

ABSTRAK

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI INTERAKSI DAN TOLERANSI ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI BANDARAYA KUCHING, SARAWAK

Kajian perbezaan sosial dan hubungan etnik melalui kegiatan berinteraksi dan bertoleransi merentasi kepelbagaian resam budaya etnik merupakan salah satu aspek penting dalam kajian sosiologi. Pengalaman berinteraksi dan bertoleransi secara beradab dan bertatasusila ini bermula sejak anak-anak berada dalam institusi pendidikan formal. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada memahami tahap perpaduan dalam masyarakat berbilang etnik terutama dalam masyarakat moden yang tinggal di kawasan bandar. Penduduk bandar sentiasa berpeluang untuk berinteraksi merentasi etnik sama ada secara formal atau tidak formal. Kajian ini berobjektifkan mengkaji pola dan tahap interaksi dan toleransi etnik dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Bandaraya Kuching, Sarawak. Skala Jarak Sosial Bogardus (1925, 1926, 1927, 1931, 1947, 1956, 1966, 1968 dan 1974) yang mengukur jarak sosial diguna pakai bagi mengenal pasti ukuran tahap interaksi dan toleransi etnik. Populasi kajian terdiri daripada pelajar tingkatan empat dalam lingkungan usia antara 15-16 tahun yang mengikuti persekolahan menengah bantuan penuh kerajaan. Sampel kajian pula terdiri daripada 480 pelajar tingkatan empat dan sampel ini dipilih secara rawak sedia ada dari empat buah sekolah utama di Kuching. Sampel kajian melibatkan pelajar lelaki dan perempuan dalam kalangan etnik Iban, Bidayuh, Melayu dan Cina. Alat ukur soal selidik digunakan untuk mengumpul data meliputi item-item terpilih yang dibina untuk mengukur tahap interaksi dan toleransi etnik di samping data-data demografi. Kaedah analisis kuantitatif dengan statistik deskriptif, inferens, *post-hoc* dan *multivariate* digunakan dalam menganalisis data bagi tujuan memahami tahap interaksi dan toleransi etnik dalam kalangan sampel. Analisis digunakan untuk menguji sepuluh hipotesis kajian pada aras signifikan $p < 0.05$. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecenderungan memilih pelbagai bentuk interaksi antara etnik dan tahap interaksi dan toleransi merentasi etnik dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sarawak adalah tinggi. Kecenderungan bergaul dan penerimaan pelbagai etnik dalam kegiatan harian tidak terbatas kepada etnik sendiri sahaja. Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan etnik yang positif dalam kalangan generasi muda di Sarawak. Pengalaman hubungan etnik yang positif yang wujud ini seharusnya dipupuk secara berterusan menerusi pemeraksanaan program dan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan antara etnik sejajar dengan wawasan pendidikan pelbagai masyarakat dan budaya di Malaysia.

ABSTRACT

Study of social difference and ethnic relations through interaction and tolerance activities across cultural traditions of ethnic diversity is one of important aspect in the study of sociology. The interaction experience and tolerated by civilized and moral started since the children were in the formal educational institution. This study will focus on understanding the level of unity in multi-ethnic societies, especially in modern society living in urban areas. City residents always have the opportunity to interact across ethnic whether formal or informal. This study's objectives is to examine patterns and levels of interaction and ethnic tolerance among secondary school students in Kuching, Sarawak. Bogardus Social Distance Scale (1925, 1926, 1927, 1931, 1947, 1956, 1966, 1968 and 1974), a measure of social distance were used to determine the measurement of level of interaction and ethnic tolerance. The study population consisted of form four students between the ages of 15-16 years pursuing government-aided secondary school. The study sample consisted of 480 form four students and were randomly selected from four existing main schools in Kuching. The research samples involved males and females among the ethnic of Iban, Bidayuh, Melayu and Chinese. The measurement tool using questionnaires were used to collect data covering selected items were constructed to measure the level of interaction and ethnic tolerance beside using demographic data. Quantitative analysis methods with descriptive statistics, inferential, post-hoc and multivariate were used for data analysis for the purpose of understanding the interaction and ethnic tolerance among samples. Analysis were used to test ten research hypotheses at $p < 0.05$ significance level. The research findings shows that there were significance differences in the tendency of choosing various forms of inter-ethnic interaction and the level of interaction and tolerance across ethnic among secondary schools in Sarawak were high. Tendency of interacting and acceptance of multi ethnicity in daily activities are not limited only to their own ethnicity. The findings also indicate the existence of a positive ethnic relations among the younger generation in Sarawak. The positive experience of ethnic relations that exist should be continuously nurtured through empowerment programs and activities to strengthen the relationship between ethnics which in line with the education vision of various communities and culture in Malaysia.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN CALON	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
KATA KUNCI	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Konsep Integrasi Etnik di Malaysia	4
1.2 Keplbagaian Etnik di Sarawak	8
1.2.1 Dayak	11
1.2.2 Melayu	15
1.2.3 Cina	17
1.3 Pernyataan Masalah	19
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	22
1.6 Persoalan Kajian	24
1.7 Hipotesis Kajian	25
1.8 Kepentingan Kajian	26
1.9 Definisi Operasional	29
1.9.1 Etnik	29
1.9.2 Integrasi	29
1.9.3 Interaksi	30
1.9.4 Toleransi	30
1.9.5 Konflik Etnik	31
1.10 Batasan Kajian	32
1.11 Kesimpulan	32
BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS DAN PRESPEKTIF TEORI	34
2.0 Pendahuluan	34
2.1 Senario dan Isu Hubungan Etnik Dalam Pendidikan di Malaysia	34
2.2 Sorotan Kajian Lepas	52
2.3 Perspektif Teori	63

2.3.1	Interaksi Etnik	63
2.3.2	Toleransi Etnik	65
2.3.3	Pembentukan Identiti Etnik	68
2.3.4	Keetnikan/Etnisiti	79
2.4	Teori Jarak Sosial (<i>Social Distance Theory</i>)	98
2.5	Teori Sempadan Etnik (<i>Ethnic Boundaries Theory</i>)	100
2.6	Teori Interaksi	103
2.7	Kesimpulan	108
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		110
3.0	Pendahuluan	110
3.1	Pendekatan dan Strategi Reka Bentuk Kajian Kuantitatif	110
3.2	Populasi Kajian	111
3.3	Pemilihan Sampel	113
3.4	Alat Ukur dan Borang Soal Selidik	114
3.5	Definisi dan Pengoperasian Konsep	115
3.5.1	Interaksi Etnik	115
3.5.2	Toleransi Etnik	117
3.6	Penganalisis Data: Penentuan Tahap Interaksi dan Toleransi Etnik	119
3.6.1	Tahap Interaksi Etnik	120
3.6.2	Tahap Toleransi Etnik	120
3.7	Kesimpulan	121
BAB 4 : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		122
4.0	Pendahuluan	122
4.1	Proses Penapisan Data	122
4.2	Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian	123
4.3	Demografi Pelajar	124
4.4	Dapatan Analisis Deskriptif Interaksi Etnik	126
4.5	Pola Umum Komposisi Etnik Dalam Pergaulan Pelajar	127
4.6	Pilihan Etnik Dalam Pelbagai Interaksi	128
4.7	Deskriptif Interaksi Etnik	130
4.8	Dapatan Analisis Inferensi dan Pengujian Hipotesis Interaksi	132
4.8.1	Interaksi Etnik	132
4.9	Statistik Deskriptif Toleransi Etnik	138
4.10	Dapatan Analisis Inferensi Toleransi Etnik	139
4.11	Dapatan Analisis Inferensi dan Pengujian Hipotesis Toleransi Etnik	141
4.11.1	Toleransi Etnik	141
4.12	Kesimpulan	148
BAB 5 : DAPATAN, IMPLIKASI, KESIMPULAN DAN CADANGAN		151
5.0	Pendahuluan	151

5.1	Dapatan dan Perbincangan	151
5.1.1	Persekitaran Tempat Tinggal Pelajar, Interaksi dan Toleransi Etnik	151
5.1.2	Bahasa, Interaksi dan Toleransi Etnik	152
5.1.3	Jarak Sosial, Interaksi dan Toleransi Etnik	153
5.1.4	Prasangka, Interaksi dan Toleransi Etnik	154
5.1.5	Stereotaip, Interaksi dan Toleransi Etnik	155
5.1.6	Interaksi dan Toleransi Etnik di Dalam Bilik Darjah	155
5.2	Implikasi	
5.2.1	Implikasi Ke Atas Teori	156
5.2.2	Implikasi Ke Atas Kajian Masa Depan	160
5.2.3	Implikasi Ke Atas Dasar	161
5.3	Cadangan Untuk Kajian Masa Depan	176
5.4	Kesimpulan	181
	Bibliografi	182
	Lampiran A Borang Soal Selidik	233
	Lampiran B Surat Kebenaran Daripada Kementerian Pelajaran Malaysia	246
	Lampiran C Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak	248
	Lampiran D Lokasi Kawasan Kajian	250



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Mukasurat

1.1:	Taburan Penduduk Sarawak Mengikut Jantina dan Etnik 2000	9
1.2:	Jumlah Pertambahan Penduduk Iban, Melayu, Bidayuh dan Cina di Sarawak Sejak 1960-2000	10
3.1:	Senarai Sekolah Menengah di Bandaraya Kuching, Sarawak	112
3.2:	Sampel Kajian	113
3.3:	Pernyataan Mengukur Tahap Interaksi Etnik	116
3.4:	Pernyataan Mengukur Tahap Toleransi Etnik	119
3.5:	Tahap Interaksi Etnik	120
3.6:	Tahap Toleransi Etnik	121
4.1:	Nilai Skewness dan Kurtosis Untuk Setiap Item Utama Kajian	123
4.2:	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	124
4.3:	Taburan Pelajar Mengikut Ciri-Ciri Demografi	126
4.4:	Gambaran Pola Komposisi Etnik Dalam Pergaulan Pelajar	127
4.5:	Gambar Pola Komposisi Etnik Dalam Pergaulan Keluarga Pelajar	128
4.6:	Pilihan Etnik Semasa Berinteraksi	129
4.7:	Pola Keinginan Berinteraksi Dengan Pelajar Yang Sama Atau Berlainan Etnik dan Agama	130
4.8:	Dapatan Statistik Deskriptif Interaksi Etnik	131
4.9:	Bilangan dan Peratusan Tahap Interaksi Etnik	131
4.10:	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Interaksi Etnik	132
4.11:	Dapatan Ujian t Bagi Perbezaan Interaksi Etnik	133
4.12:	Dapatan Ujian t Bagi Perbezaan Interaksi Etnik	134
4.13:	Dapatan Ujian t Bagi Perbezaan Interaksi Etnik	135
4.14:	Skor Min Interaksi Etnik Mengikut Etnik Pelajar	136
4.15:	Dapatan ANOVA Sehalu Bagi Perbezaan Skor Min Interaksi Etnik	136
4.16:	Perbezaan Skor Min Interaksi Etnik Antara Etnik	137
4.17:	Dapatan Analisis Regresi Berganda	138
4.18:	Dapatan Statistik Deskriptif Toleransi Etnik	139
4.19:	Bilangan dan Peratusan Tahap Toleransi Etnik	140
4.20:	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Toleransi Etnik	141
4.21:	Dapatan Ujian t Bagi Perbezaan Toleransi Etnik	142
4.22:	Dapatan ujian t Bagi Perbezaan Toleransi Etnik	143
4.23:	Dapatan Ujian t Bagi Perbezaan Toleransi Etnik	144
4.24:	Skor Min Toleransi Etnik Mengikut Etnik Pelajar	144
4.25:	Dapatan ANOVA Sehalu Bagi Perbezaan Skor Min Toleransi Etnik	145
4.26:	Dapatan Analisis Regresi Berganda	145

1.1: Kerangka Awal Konseptual Kajian

23



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KATA KUNCI

Interaksi Etnik, Toleransi Etnik



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BN	-	Barisan Nasional
JPN	-	Jabatan Pendaftaran Negara
PBB	-	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBDS	-	Parti Bansa Dayak Sarawak
PBS	-	Parti Bersatu Sabah
PESAKA	-	Parti Pesaka Anak Sarawak
PRS	-	Parti Rakyat Sarawak
SDA	-	Seventh Day Adventists
SES	-	Status Ekonomi Dan Sosial
SPDP	-	Sarawak People's Democratic Party
SPSS	-	Pakej Statistik Untuk Sains Sosial
SNAP	-	Sarawak National Party
SUPP	-	Sarawak United People's Party
MAPP	-	Majlis Agama Pulau Pinang
MCA	-	Malayan Chinese Association
MIC	-	Malayan Indian Congress
MPM	-	Majlis Peguam Malaysia
RC	-	Roman Catholic
UITM	-	Universiti Institut Teknologi Malaysia
UMNO	-	United Malays Nasional Organisation
USNO	-	United Sabah National Organization
SM	-	Sekolah Menengah
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
PLKN	-	Program Latihan Khidmat Negara
PPD	-	Pegawai Pelajaran Daerah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPM	-	Jabatan Perangkaan Malaysia
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPB	-	Pendidikan Pelbagai Budaya
GKH	-	Gerakan Kuasa Hitam
SNSE	-	Satu Negara Satu Etnik
BERJAYA	-	Bersatu Rakyat Jelata Sabah
SPBT	-	Skim Pinjaman Buku Teks
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
RMT	-	Rancangan Makanan Tambahan
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JERI	-	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual
PDPM	-	Pendidikan Dasar Pembangunan Negara
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

KWAPM	-	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
SBT	-	Skim Baucer Tuisyen
MPV	-	Mata Pelajaran Vokasional
AIPTS	-	Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
APTPTM	-	Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Malaysia
ALAM	-	Akta Lembaga Akreditasi Malaysia
PDWM	-	Pendidikan Dasar Wawasan Malaysia
PTATP	-	Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan
RAM	-	Rejimen Askar Melayu
DPK	-	Dasar Pelajaran Kebangsaan
DPN	-	Dasar Pelajaran Negara
SJKC	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
GKH	-	Gerakan Kuasa Hitam



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang dihuni oleh penduduk berbagai etnik. Etnik Melayu menjadi penduduk majoriti dan diikuti dengan etnik Cina, India dan etnik bumiputera yang lain yang menetap di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebagai penduduk minoriti. Kumpulan etnik majoriti ini mendirikan penempatan awal di sekitar persisiran pantai, di sepanjang sungai yang akhirnya menjadi bandar maritim, bandar perdagangan dan pentadbiran. Dalam kalangan suku etnik Dayak (Iban dan Bidayuh), Kadazan Dusun, Melanau, Kelabit dan Orang Asli (Temiar, Jakun, Kuala, Mah Meri dan Seletar) yang terus mendiami dan menetap di kawasan pedalaman terutama di negeri Sabah, Sarawak, Pahang, Perak dan Kelantan. (Ishak Ramly, 1980).

Di negeri Sarawak etnik Dayak merupakan masyarakat bumiputera yang diwakili oleh etnik Iban dan etnik Bidayuh dan merupakan masyarakat asal yang mendiami kawasan pinggir sungai dan pergunungan di Sarawak. Etnik Melayu juga dihitungkan sebagai masyarakat bumiputera di samping etnik-etnik pendatang yang lain seperti Cina dan India. Manakala di negeri Sabah kumpulan etnik peribumi utama adalah Kedazan-Dusun, Bajau, Rungus (Budi Anto, 2007). Dengan terdapatnya kepelbagaian etnik seperti ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang mengamalkan budaya dan penggunaan bahasa serta anutan fahaman agama dan kepercayaan yang berbagai-bagai dalam Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan kepada rakyatnya mengamalkan sebarang agama dan kepercayaan asalkan tidak mengganggu keamanan negara. Fenomena ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik yang kaya dengan kepelbagaian warna kebudayaan yang datang dari masyarakat majmuk yang hidup dengan aman, bebas dan saling hormat menghormati antara satu etnik dengan etnik yang lain.


Kepelbagaian etnik dan kebudayaan ini menuntut agar satu pola persefahaman jati diri dapat diwujudkan bagi menjamin kelangsungan keamanan dan keadilan sosial yang dinikmati oleh masyarakat Malaysia terjamin. Persefahaman ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Undang-Undang Am Malaysia Jilid 1, 2008) terutama menyentuh tentang Perkara 11, Perkara 152 dan Perkara 153. Kepelbagaian etnik di Malaysia telah melalui proses asimilasi dan integrasi etnik yang panjang, bermula sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957 dan diteguhkan lagi apabila semua bangsa yang terdapat di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak disatukan dalam Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 (Malaysia Kita, 2003:100-116).

Kemerdekaan yang dipersetujui oleh British ini menyatukan semangat serumpun dalam suatu ikatan yang padu melalui jalinan interaksi dan semangat bertoleransi di antara satu etnik dengan suatu etnik yang lain secara berhemah dan terancang. Interaksi yang mesra lagi sepadu dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia mengwujudkan toleransi dan kesefahaman kekitaan yang tinggi melalui ikatan Satu Malaysia dan semangat Malaysia Boleh. Ikatan dan ikrar yang dijelmakan dalam bentuk wawasan dan gagasan ini diterjemahkan dalam bentuk operasi sehingga menjadi amalan hidup harian penduduk Malaysia. Rakyat Malaysia diasuh supaya berprasangka baik dan tidak suka kepada perpecahan dan sebarang prasangka buruk terhadap suatu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain cepat-cepat diselesaikan atas semangat dan prinsip Rukun negara.

Rukun negara menjadi pancasila seluruh penduduk Malaysia yang bercita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh penduduk yang mendiami Negara Malaysia. Masyarakatnya diasuh dan dipelihara supaya hidup secara demokratik, bermasyarakat adil dengan mengekalkan kestabilan dan kemakmuran Negara. Hasrat yang diasuh kepada generasi baharu ini akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama dan dapat menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak. Kepelbagaian etnik di Malaysia dapat membentuk satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden sebagai penggerak kemajuan negara. Seluruh rakyat Malaysia berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan

usaha untuk mencapai cita-cita perpaduan antara kaum bagi menjamin kemakmuran dan pembangunan negara dengan berdasarkan prinsip-prinsip Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan.

Nash, (1989); Mariappan, (1996), selanjutnya menjelaskan bahawa dalam mewujudkan suasana hubungan harmoni dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dicapai. Perpaduan dan kesepakatan etnik bukan sahaja amat bergantung pada faktor-faktor makro seperti perubahan politik, kemajuan ekonomi, keseimbangan sosial juga bergantung teguh kepada keseimbangan insaniah yang disatukan dengan elemen mikro seperti norma-norma etnik yang menjadi amalan dalam sejarah asal-usul masyarakat tersebut. Amalan budaya dan kepercayaan ini kekal utuh menjadi pegangan dan kepercayaan jati diri etnik yang mempengaruhi pola-pola perlakuan dan amalan masyarakat Malaysia. Kesepaduan antara etnik terus menjadi matlamat dan entiti negara kerana dalam sembilan Cabaran-Cabaran Wawasan 2020 meletakkan hasrat membina masyarakat yang bersatu padu sebagai teraju utama dengan menyatakan;



" membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama dan membentuk sebuah masyarakat yang bersifat liberal lagi toleran, dengan setiap warga bangsa Malaysia tanpa mengira keturunan mahupun kepercayaannya, kebudayaan serta kepercayaan agamanya masing-masing, tanpa merasa tersisih daripada bangsa tersebut"

(Wan Mohd Zahid Mohd Noordin,1994:67-72)

Pendidikan akan menjadi agen utama ke arah pemupukan dan penggemblengan nilai perpaduan dalam kalangan generasi muda. Perpaduan warga bangsa hanya wujud bila terdapat amalan bahasa yang seragam dalam

urusan kehidupan seharian dan dalam urusan pentadbiran negara. A. Aziz Deraman (1999), dalam Seminar Jawatankuasa Penyelaras Pendidikan Guru menjelaskan;

"Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan dan menjadi bahasa pengantar pendidikan. Hal ini seperti termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan".

(A. Aziz Deraman, 1999:29:36)

1.1 Konsep Integrasi Etnik di Malaysia

Situasi kepelbagaian etnik yang bertaburan di pelbagai lokasi dan spatial di seluruh Malaysia telah mendorong Kerajaan Malaysia menjadikan isu perpaduan sebagai satu agenda utama negara. Hal kepentingan perpaduan ini ditegaskan dalam Dasar Pendidikan Negara, Dasar Pembangunan Negara dan Dasar Kebudayaan Nasional. Dalam hubungan ini perpaduan kaum dan keselamatan negara menjadi agenda utama negara dan penegasan ini telah bermula semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi. Hal perpaduan antara kaum ini ditegaskan dengan jelas dalam laporan pendidikan yang berikutnya dikenali dengan Penyata Razak 1956. Dalam Penyata Razak 1956 antara lain menyatakan;

" Untuk menyatukan kanak-kanak daripada semua ras di bawah satu sistem pendidikan yang sama dan bahasa kebangsaan akan dijadikan bahasa pengantar utama. Usaha-usaha ke arah pencapaian objektif ini hendaklah dilakukan dengan sepenuh hati - saya mencadangkan untuk mendirikan kelas-kelas yang lebih di sekolah-sekolah rendah kerajaan yang bahasa pengantaranya adalah Melayu dan proses perkembangan ini akan diteruskan dalam semua peringkat apabila guru-guru telah dilatih sepenuhnya"

(Penyata Razak, 1956: 118)

Perkara yang sama diulas dan dijelaskan oleh A. Aziz Deraman (2005), melalui petikan berikut:

“apabila Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal pada tahun 1971, tiga matlamat utama pembangunan kebudayaan di Malaysia telah ditetapkan iaitu ke arah memupuk perpaduan bangsa dan negara, menumbuhkan dan mengekalkan keperibadian, dan mempertimbangkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian agar sesuai dengan pembangunan sosioekonomi moden.

(A. Aziz Deraman, 2005:96)

Pada tahun 2009 Pemerintah Malaysia telah memperkenalkan Gagasan 1 Malaysia yang diwartakan pada tahun 2009 bertujuan untuk mendukung cita-cita perpaduan yang lebih erat dalam kalangan penduduk berbilangan etnik di Malaysia. Sungguh pun demikian, bagi sesetengah pemerhati awal dalam bidang sosial seperti Furnivall (1948, 1965), mendapati pembentukan dan kemunculan “masyarakat majmuk” atau “*plural society*” seperti Malaysia digambarkan sebagai mewakili situasi hubungan etnik yang pasti akan menyukarkan pengalihan masyarakat yang bersatupadu melalui toleransi atau masyarakat majoriti dan minoriti. Menurut sarjana ini, masyarakat majmuk seperti Malaysia mudah terjerumus dalam situasi konflik etnik ekoran dari keketaraan perbezaan budaya dan institusi sosial, pengasingan fizikal dan pemisahan kegiatan ekonomi antara etnik. Batas-batas pemisah ini akan membatasi pola interaksi dan proses integrasi, dan yang paling utama akibat ketiadaan nilai-nilai yang dikongsi secara bersama dalam kalangan kumpulan etnik yang berbeza (Ting, 1979), akan mencemaskan lagi perasaan buruk sangka dan ketidakseimbangan sosial antara individu yang berbeza etnik dalam masyarakat.

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia pernah dijajah oleh Portugis (1511), Belanda (1641), British (1824-1941), Jepun (1941-1945) dan kembali dijajah British (1945-1957) (Persekutuan Tanah Melayu) dan 1963 (Sabah dan Sarawak). Lau, (2000; 1999), Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman et. al. (2004:243-272), menjelaskan bahawa British telah memisahkan dan memetak-metakkan penduduk Malaysia berdasarkan kepentingan politik, ekonomi dan geofizik yang berorientasikan keperluan politik dan ekonomi. Lokasi kegiatan ekonomi dan penempatan penduduk dipisahkan berdasarkan kegiatan ekonomi yang terancang oleh British. Dasar polarisasi etnik dipraktikkan melalui pendidikan yang tidak mengizinkan interaksi dan toleransi merentasi etnik berlaku. Pergaulan antara etnik dan hubungan antara etnik amat terhad dan amat terbatas kerana Inggeris mengawal setiap pergerakan dan kegiatan rakyat tanah jajahannya supaya tidak bergaul dan bersatu dan menentang British (Sufean Hussin, 2003:125-128; 2002:13-16; 2004:537-538; dan Ishak Ramly, 2003:53-55).

Pola interaksi lebih bersifat interaksi jual-beli atau interaksi berorientasikan pasaran dan keperluan untuk hidup dengan tanpa melibatkan perkongsian nilai budaya dan institusi politik. Adunan dan perancangan seperti ini sudah tentu agak nipis dan longgar kerana lebih bersifat luaran. Sistem pendidikan pada zaman penjajahan British juga bersifat terasing. Anak-anak Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar kekal dengan sekolah umum Melayu dengan kurikulumnya bertumpu kepada membaca dan menulis supaya tidak ditipu serta bercucuk tanam dan kraf tangan. Anak-anak Cina dan India kekal dengan sistem persekolahan yang dibawa masuk dari negara China dan India yang berada di bandar dan ladang-ladang getah (Ibrahim Saad, 1977:27-45; Ishak Ramly, 2003: 18-24).

Pergerakan dan penglibatan etnik Melayu, Cina dan India pendidikan dan politik dikawal ketat terutama dalam kalangan etnik India yang bekerja di ladang-ladang, Etnik India dikurung dalam ladang-ladang getah seperti sistem perhambaan yang diperkenalkan di Amerika Syarikat. Semua interaksi yang bersifat reka buat ini beransur-ansur lentur apabila berlaku tuntutan untuk mendapatkan keadilan sosial dan kebebasan dari segi hak kemanusiaan. Justeru didapati bahawa masyarakat Malaysia yang hidup dalam keterbatasan interaksi dan komunikasi, kurang memiliki

perkongsian nilai-nilai dan pengetahuan budaya erotik lain menjadikan etnik ini terdedah kepada pelbagai ciri-ciri kerenggangan dan pemisahan yang boleh mencetuskan perbalahan antara etnik. Keadaan ini telah diwarisi sejak zaman penjajah lagi sehinggalah sekarang. Namun, menerusi usaha-usaha kerajaan melaksanakan dasar-dasar awam khususnya Dasar Pendidikan Keetnik dan Dasar Ekonomi Baru telah mencetuskan kerjasama di antara pemimpin-pemimpin etnik khususnya dalam membentuk pemerintah baik di peringkat negeri mahu pun di peringkat negara. Kerjasama erat lagi bersepadu ini berupaya mewujudkan kestabilan politik yang secara relatifnya kukuh dengan pelaksanaan kawalan undang-undang. Hubungan etnik di Malaysia telah dapat mengelakkan dan tercetusnya insiden-insiden rusuhan etnik yang dahsyat seperti pernah berlaku dalam etnik Sri Lanka, Afrika, Bosnia dan Plastine (Horowitz, 1989).

Di samping faktor-faktor yang dinyatakan perpaduan etnik di Malaysia banyak bergantung kepada kesedaran anggota pelbagai kumpulan etnik utama terhadap pentingnya semangat toleransi, sikap hormat menghormati, mempercayai di antara satu sama lain dan bersedia untuk berinteraksi tanpa mengenal perbezaan etnik dalam suasana kehidupan harian. Perluasan interaksi, persefahaman dan toleransi antara etnik sudah tentunya dapat membantu mengeratkan lagi perpaduan atau integrasi nasional, mencegah konflik, prasangka buruk di antara etnik dalam usaha membina negara etnik. Dalam hal ini, peristiwa rusuhan etnik 13 Mei 1969 masih terus mendatangkan masalah kepada negara bagi menjamin kestabilan dan keamanan negara.

Semenjak sebelum merdeka (Penyata Razak 1956:60), membawa kepada Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970 (1965:2), dan diikuti dengan Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 (1971:3-7), Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 dan Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 kerajaan Malaysia memberi tumpuan utama kepada perpaduan kaum atau integrasi nasional sebagai matlamat utama negara. Bagi mencapai matlamat ini berbagai rancangan telah dilaksanakan untuk memberi tumpuan khusus kepada masalah perpaduan negara terutama melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tumpuan ini berlandaskan kepada hasrat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum

kesan daripada Peristiwa 13 Mei yang menghancurkan kerukunan hidup masyarakat Malaysia. Kedua-dua matlamat ini sebenarnya telah terlebih awal disentuh dan ditegaskan melalui Laporan Razak 1956 (Ee, 1989:21-40; Abdullah Sani & P. Kumar, 1990, 9:12) yang menyatakan bahawa pendidikan perlu dijadikan landasan untuk menyatupadukan anak-anak dari berbagai etnik dalam suatu medan pertemuan dan tempat menerima pelajaran dan sosialisasi dan adoptasikan ketatanegaraan. Sekolah perlu dijadikan agen mensosialisasikan anggota masyarakat muda supaya lebih bersifat terbuka dan prihatin dengan kedamaian, kesaksamaan dan keadilan tanpa mengira etnik dan latar belakang kepercayaan. Kemuliaan dan keamanan sejagat melalui perpaduan etnik perlu diberi pertimbangan utama bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan negara.

1.2 Kepelbagaian Etnik Di Sarawak

Sarawak merupakan sebuah negeri yang terletak di kepulauan Borneo. Lee (1981), menyatakan Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan atau 37.5% daripada keluasan Malaysia. Keluasannya ialah 124, 449.51 kilometer persegi. Sarawak terletak ke Utara Khatulistiwa di antara garisan lintang 0° 50' dengan 5° Utara dan di antara garisan bujur 109° 36' dengan 115° 40' Timur. Pinggir pantai Sarawak mempunyai kepanjangan sebanyak 720 kilometer dengan bersempadankan Laut China Selatan. Sarawak menyertai Semenanjung Tanah Melayu dalam pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 (Portal Arkib Negara Malaysia, "Pembentukan Malaysia 16 September 1963", [www. Arkib. gov. my.](http://www.Arkib.gov.my)). Populasi penduduk Sarawak seperti ditunjukkan melalui Jadual 1.1 di bawah yang memaparkan taburan penduduk berdasarkan semua etnik yang mendiami bumi Sarawak.

Berdasarkan Jadual 1.1 di bawah didapati jumlah penduduk Sarawak seramai 2,009,893 yang didominasi oleh etnik Iban, China, Melayu dan Bidayah seramai hampir 1.8 juta etnik. Etnik lain seperti Melanau, Etnik Orang Ulu, Murut, Lun Bawang, Kenyah, Kayan, Kelabit, Penan, Punan, Tabun, Tagal, Kajang, Lugat, Sian, Ukit, Bukitan, Lisum Sru, Segalang, Blion, Tanjung, Lugat dan Saban. Pelbagai etnik peribumi atau bumiputera berjumlah 70.66% daripada keseluruhan